

Lebih 200 terjejas banjir di Kudat

KUDAT 27 Dis. - Lebih 200 penduduk dari tiga kampung di daerah ini terjejas akibat banjir kilat ekoran hujan lebat sejak kelmarin.

Ketua Balai Bomba Daerah Kudat, Jamaludin Hussin berkata, bagaimanapun tiada mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara setakat ini.

"Paras air sungai Korina di sini meningkat sehingga 0.6 meter menyebabkan Kampung Korina Sikua-ti, Kampung Bak-Bak dan Kampung Sri Aman dinaiki air.

"Kampung Korina Sikua-ti dikenali pasti terjejas teruk kerana laluan utama ke kampung itu terpaksa ditutup selepas ditenggelami air," katanya di sini, hari ini.

Beliau memberitahu, berdasarkan pemantauan, keadaan air di kawasan itu masih belum surut dan masih berlaku hujan di beberapa tempat.

Sementara itu, Penolong Pegawai Daerah Kudat, Abdul Gafar Abdul Rahman berkata, keadaan di sekitar kawasan terbabit masih terkawal.

"Tiada pemindahan dilakukan dan kita sudah melakukan rondaan sejak pagi lagi bagi memastikan penduduk selamat.

"Bagaimanapun, kami tetap bersedia sebarang kemungkinan akibat hujan secara berterusan dan air pasang kerana menerusi pertembungan dua unsur ini menyebabkan banjir," katanya.

ANGGOTA bomba dan penyelamat memantau keadaan Kampung Korina Sikua-ti, Kudat, semalam yang mula dinaiki air ekoran hujan lebat sejak kelmarin.